



Ibu Pejabat
Jabatan Ukur Dan Pemetaan
Jalan Semarak
50578 Kuala Lumpur

7 Ogos, 1997.

PEK.KETUA PENGARAH UKUR DAN PEMETAAN BIL.3 TAHUN 1997

Polisi Pelaksanaan Sistem Rangkaian Setempat (LAN) di Ibu Pejabat

1. Tujuan

Pekeliling ini bertujuan untuk menetapkan polisi pelaksanaan Sistem Rangkaian Setempat (LAN) di Ibu Pejabat JUPEM.

2. Latarbelakang

Pada masa kini komputer adalah sebahagian daripada keperluan organisasi yang tidak asing lagi. Pelaksanaan Sistem Rangkaian Setempat (LAN) di Ibu Pejabat JUPEM akan membolehkan komputer-komputer di meja tiap pegawai dihubungkan dan pengotomasian pejabat iaitu satu konsep pengurusan yang berteraskan teknologi maklumat dalam mengendalikan urusan pejabat dapat direalisasikan. Selaras dengan perwujudan Kerajaan Elektronik, pelaksanaan Sistem Rangkaian Setempat (LAN) di Ibu Pejabat JUPEM akan membolehkan JUPEM melangkah ke hadapan di dalam era teknologi maklumat yang antara lain;

- i) Mewujudkan sistem pengurusan yang lebih cekap dimana
 - a) Maklumat penting dapat disampaikan kepada pegawai berkenaan dengan lebih cepat, berbanding dengan sekarang yang mengambil masa yang agak lama di mana maklumat/dokumen dihantar dengan tangan melalui perkhidmatan Pembantu Am Rendah;
 - b) Pengagihan tugas pegawai dapat dibuat dengan lebih berkesan berikutan prosidur kerja yang lebih ringkas;
 - c) Maklumat mudah dan cepat dicari melalui sistem rangkaian.
- ii) Menghubungkan JUPEM dengan sumber maklumat dari seluruh dunia;

- iii) Membuat penjualan maklumat secara elektronik;
- iv) Mewujudkan persekitaran kerja kurang menggunakan kertas;
- v) Melahirkan ramai pegawai dan kakitangan yang mempunyai tahap literasi komputer yang tinggi.
- vi) Memenuhi matlamat Kerajaan untuk mencapai pelaksanaan penuh Kerajaan Elektronik pada tahun 2000.

3. Operasi

- 3.1 Sistem rangkaian setempat (LAN) di ibu pejabat JUPEM akan beroperasi selama 24 jam tiap-tiap hari.
- 3.2 Waktu penggunaan adalah tanpa had.

4. Bank Maklumat

- 4.1 Maklumat-maklumat yang hendak disimpan di dalam File Server dan Web Server sistem rangkaian setempat adalah maklumat-maklumat yang boleh dikongsi sahaja oleh pegawai-pegawai di antara Bahagian.
- 4.2 Maklumat-maklumat yang akan disimpan di dalam server-server berkenaan adalah seperti berikut :-

4.2.1 Web Server

- i) Laman JUPEM
 - mengandungi maklumat mengenai JUPEM untuk kegunaan awam yang boleh dicapai melalui Internet)
- ii) Laman Korporat JUPEM
 - mengandungi maklumat korporat untuk kegunaan pegawai-pegawai di JUPEM dan JUPN sahaja yang boleh dicapai melalui Internet JUPEM)

4.2.2 File Server

- i) Profil pengguna LAN, alamat E-Mail dan sambungan telefon
- ii) Maklumat pergerakan pegawai (pengguna LAN sahaja)
- iii) Skedul pegawai dan temujanji
- iv) Jadual mesyuarat

- v) Tempahan bilik mesyuarat
 - vi) Maklumat kursus, seminar, bengkel
 - vii) Maklumat pegawai-pegawai kumpulan pengurusan dan profesional
 - viii) Maklumat kekosongan kakitangan di bahagian/seksyen
 - ix) Tajuk pekeliling-pekeliling Ketua Pengarah Ukur dan Pemetaan
 - x) Surat-surat pekeliling Ketua Pengarah Ukur dan Pemetaan
 - xi) Laporan perbelanjaan mengurus - sedia ada
 - xii) Laporan perbelanjaan mengurus - one off
 - xiii) Laporan perbelanjaan mengurus - dasar baru
 - xiv) Laporan perbelanjaan pembangunan
 - xv) Laporan kemajuan aktiviti utama bahagian-bahagian
- 4.3 Maklumat-maklumat tersebut hendaklah disimpan di dalam format yang sedia ada dan menggunakan perisian-perisian Microsoft sahaja.
- 4.4 Maklumat-maklumat lain yang khusus untuk kegunaan sesuatu Bahagian/Seksyen sahaja hendaklah disimpan di dalam PC pegawai-pegawai di Bahagian/Seksyen masing-masing.
- 4.5 Setiap pegawai dikehendaki mempunyai dua 'area' di dalam hard disk di PC masing-masing iaitu 'shared area' dan 'private area'.
- 4.6 Bagi maklumat-maklumat yang hendak dikongsi di antara pegawai-pegawai di dalam sesuatu Bahagian/Seksyen tertentu sahaja, maklumat-maklumat tersebut hendaklah disimpan di dalam 'shared area' PC pegawai berkenaan dan password hendaklah diberi kepada pegawai-pegawai lain yang diberi kebenaran sahaja untuk mencapai maklumat tersebut.
- 4.7 Maklumat-maklumat selain daripada di para 4.1, 4.2 dan 4.6 hendaklah disimpan di dalam 'private area' PC pegawai berkenaan dan apa saja maklumat boleh disimpan

5. **Pasukan Petugas**

- 5.1 Setiap Bahagian perlu menubuhkan satu pasukan petugasnya sendiri yang bertanggungjawab ke atas semua perkara yang berkaitan dengan perlaksanaan Sistem Rangkaian Setempat untuk Bahagian tersebut.

- 5.2 Pasukan Petugas Bahagian bertanggungjawab membangun dan menyelenggarakan Laman Korporat JUPEM untuk Bahagian masing-masing dan mengemaskini maklumat-maklumat yang disimpan di dalam File Server dan Web Server seperti jadual mesyuarat, tempahan bilik mesyuarat dan lain-lain yang berkaitan dengan Bahagian tersebut dari semasa ke semasa.
- 5.3 Tiada kerja-kerja pembangunan sistem aplikasi akan dilakukan di dalam perlaksanaan sistem rangkaian setempat kecuali kerja-kerja pembangunan dan penyelenggaraan laman dan membuat hyperlink di antara satu fail dengan fail yang lain.
- 5.4 Setiap Bahagian akan diberi kawasan storan sebanyak 1GB di dalam File Server untuk menyimpan maklumat-maklumat dari Bahagian tersebut.
- 5.5 Pasukan Petugas JUPEM di Seksyen Perkhidmatan Pembangunan Sistem diberi kuasa untuk menapis semua maklumat yang hendak diterbitkan dan mengeluarkan mana-mana maklumat yang didapati tidak sesuai atau tidak diperlukan dari File Server dan Web Server.
- 5.6 Pasukan Petugas JUPEM bertanggungjawab menyelenggara laman JUPEM yang dibangunkan oleh sumber luaran.

6. Internet Response Group (IRG) JUPEM

- 6.1 Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia telah melantik Ketua Penolong Pengarah Ukur di Seksyen Perkhidmatan Pembangunan Sistem sebagai IRG JUPEM. IRG JUPEM akan bertugas untuk membuat pemantauan (monotoring) Internet dan melaporkannya kepada Ketua Pengarah Ukur dan Pemetaan (KPUP) sekiranya ada perkara-perkara yang menyentuh Jabatan ini di dalam Internet serta melaporkan kepada IRG di peringkat Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi (KTPK). Sekiranya liputan berkenaan perlu dijawab oleh JUPEM, IRG JUPEM setelah mendapat kelulusan daripada KPUP perlu memberi response melalui Internet.

7. Tanggungjawab Pengguna

- 7.1 Setiap pegawai dikehendaki menghidupkan PC masing-masing.
- 7.2 Setiap pegawai dikehendaki mengemaskini skedul elektronik mereka tiap-tiap hari.
- 7.3 Setiap pegawai hanya boleh 'browse' maklumat sahaja kecuali pasukan petugas Bahagian yang boleh membuat pengemaskinian.
- 7.4 Bekalan 'stationery' seperti toner untuk pencetak, disket dan CD-ROM adalah di bawah tanggungjawab Bahagian masing-masing untuk memastikan bekalan

adalah mencukupi.

- 7.5 Pengguna dilarang sama sekali mencuba sesuatu arahan komputer yang boleh membawa kerosakan sistem seperti menukar 'IP address' dan sebagainya.
- 7.6 Pengguna dilarang menggunakan permainan komputer dan perisian-perisian 'shareware' yang boleh diperolehi dari Internet.
- 7.7 Jika pengguna menghadapi masalah di dalam pengendalian peralatan atau sebagainya, mereka hendaklah menghubungi Pasukan Petugas di Bahagian masing-masing terlebih dahulu untuk mendapatkan bantuan.
- 7.8 Sekiranya masalah tersebut tidak dapat di atasi oleh Pasukan Petugas Bahagian tersebut, masalah tersebut bolehlah dipanjangkan kepada pegawai di Seksyen Perkhidmatan Pembangunan Sistem di sambungan 2669 untuk tindakan selanjutnya.
- 7.9 Jika berlaku kerosakan atau gangguan ke atas Sistem Rangkaian Setempat pada waktu kerja biasa, pengguna hendaklah melaporkan kerosakan atau gangguan tersebut kepada pegawai di Seksyen Perkhidmatan Pembangunan Sistem yang akan menghubungi pihak penyelenggara.
- 7.10 Sekiranya kerosakan atau gangguan tersebut berlaku di luar waktu kerja biasa, hari Ahad atau hari kelepasan Am, pengguna hendaklah melaporkan kerosakan atau gangguan tersebut terus kepada pihak penyelenggara iaitu TELITI Computers Sdn Bhd dengan menyatakan nama, tempat, masalah dan nombor telefon pemanggil di nombor telefon/pager seperti berikut:-

Nombor telefon Pusat Paging : 03-2254888 (operator)
03-2444888 (tanpa operator)

| <u>Masalah</u> | <u>No. pager</u> |
|----------------------------|------------------|
| i) Server dan perisian | 818909 |
| ii) Kabel, PC dan Pencetak | 818906 |
| iii) Rangkaian | 885070 |

8. Kawalan Perubahan

- 8.1 Perubahan kedudukan nod atau memindahkan perkakasan yang dibekalkan seperti komputer peribadi, pencetak, suis dan rak peralatan ke tempat lain adalah tidak dibenarkan.

- 8.2 Penambahan nod atau aksesori komputer seperti kad-kad antaramuka dan perisian-perisian lain ke dalam komputer peribadi juga tidak dibenarkan.
- 8.3 Pengguna juga dilarang membuat perubahan ke atas konfigurasi-konfigurasi sistem yang telah disetkan.
- 8.4 Kawalan perubahan ke atas perkara-perkara yang telah disebutkan pada para 8.1, 8.2 dan 8.3 adalah bertujuan untuk memastikan 'compatibility' dan 'functionality' sistem tidak terjejas.
- 8.5 Sekiranya perubahan atau penambahan adalah perlu dan wajar, pengguna hendaklah mendapatkan kebenaran daripada Pasukan Petugas JUPEM dengan membuat permohonan secara bersurat melalui Pasukan Petugas Bahagian masing-masing dan kerja-kerja tersebut hendaklah dilaksanakan di bawah pengawasan Pasukan Petugas JUPEM.

9. Penafian

- 9.1 Jabatan tidak menjamin bahawa apa-apa maklumat atau bahan yang diterbitkan di dalam Laman Jabatan/Bahagian adalah betul, tepat atau lengkap pada sebarang masa.
- 9.2 Jabatan tidak bertanggungjawab di atas penggunaan apa-apa maklumat atau bahan yang diterbitkan di dalam halaman Jabatan/Bahagian dan tidak boleh dikenakan apa-apa tindakan di atas sebarang masalah yang mungkin timbul, kesulitan, kerugian dan sebagainya akibat dari penggunaan maklumat atau bahan tersebut.
- 9.3 Jabatan tidak memberi kebenaran kepada sesiapa jua untuk membuat apa-apa kenyataan atau pandangan di dalam mana-mana Laman Internet atau melalui E-Mail di atas nama atau sebagai mewakili Jabatan ini.

10. Tanggungjawab Pihak Penyelenggara

- 10.1 Pihak penyelenggara iaitu TELITI Computers Sdn. Bhd. bertanggungjawab untuk bertindak balas ke atas setiap aduan kerosakan di dalam tempoh 2 hingga 4 jam dan membaiki kerosakan tersebut dengan kadar segera.
- 10.2 Pihak penyelenggara juga dikehendaki memaklumkan kepada Pasukan Petugas JUPEM di Seksyen Perkhidmatan Pembangunan Sistem segala kerosakan atau gangguan yang berlaku dan kerja-kerja penyelenggaraan yang telah dibuat dan merekodkannya di dalam buku log penyelenggaraan.

11. Tarikh Berkuatkuasa

Pekeliling ini berkuatkuasa mulai daripada tarikh pengeluarannya.

Sekian.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

"CINTAILAH BAHASA KITA"

(DATO' ABDUL MAJID BIN MOHAMED)

Ketua Pengarah Ukur dan Pemetaan

Malaysia

Edaran Kepada :

Pengarah Ukur Bahagian (Pengurusan dan Pembangunan)

Pengarah Ukur Bahagian (Penyelarasaran Kadaster)

Pengarah Ukur Bahagian (Pengeluaran Pemetaan)

Pengarah Ukur Bahagian (Ukur Geodetik)

Salinan Kepada :

Timbalan Ketua Pengarah Ukur dan Pemetaan Malaysia

Semua Pengarah Ukur dan Pemetaan Negeri

Pengarah Ukur Topografi Sarawak

Pengarah Ukur Topografi Sabah